



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Rujukan Kami: KPM. 100-1/3/2 (17)  
Tarikh : 14 Ogos 2019

**Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 8 TAHUN 2019**

**PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (MODEL HOLISTIK)  
MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK) SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT  
MULAI TAHUN 2020**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) (Model Holistik) Murid Berkeperluan Khas (MBK) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2020.

2. Program Pendidikan Inklusif (Model Holistik) kepada MBK telah dirintis secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2015 hingga tahun 2018. Pelaksanaan peluasan rintis PPI (Model Holistik) MBK memberikan impak positif kepada kumpulan sasaran khususnya kepada guru, ibu bapa dan murid. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil.17 Tahun 2019, memutuskan peluasan PPI (Model Holistik) MBK secara berperingkat-peringkat dilaksanakan mulai tahun 2020.
3. Sekolah yang melaksanakan PPI (Model Holistik) MBK boleh merujuk Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas (Edisi 2018) dan Modul Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif sebagai panduan dalam merancang, menyediakan dan melaksanakan PPI (Model Holistik) MBK. Sekolah mempunyai autonomi untuk melaksanakan PPI menggunakan Model Holistik mengikut keperluan MBK dan kemudahan sedia ada. Garis panduan dan modul ini boleh dimuat turun dari laman sesawang KPM di <https://www.moe.gov.my/index.php/muat-turun/pendidikankhas/program-pendidikan-inklusif/bahan-rujukan>.

4. Pihak YBhg. Datuk/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pengetua, dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ Datin/ Dr./ tuan/ puan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' MOHD JAMIL BIN MOHAMED**

b.p. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
(Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

8. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir  
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Ketua Komunikasi Korporat  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan Malaysia